

Buletin FKA

PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

EDISI 2022



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2023

BENGGKEL “AGGREGATE QUALITY QUANTIFICATION” BERSAMA STAF THB MAINTENANCE SDN. BHD.

Rozaini Ramli, Zanariah Abd Rahman, Syahirah Mansor and Noraziyani Abd Aziz

Sasaran utama peserta adalah dari kakitangan THBM Sdn. Bhd.

Bilangan Penceramah : 4 orang

Bilangan Facilitator : 2 orang Bilangan peserta: 17 orang

Pada 22 November 2022 telah berlangsungnya satu bengkel bertajuk “Aggregate Quality Quantification” Bersama Staf THB Maintenance (THBM) Sdn. Bhd. Seramai 17 orang peserta dari kalangan staf THBM telah menyertai dan seramai 6 orang staf dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berkhidmat sebagai penceramah dan fasilitator. Staf yang terlibat terdiri daripada Mohamad Azrul Aswad, Noraziyani Abd Aziz, Rozaini Ramli, Suzana Ahmad, Syahirah Mansor dan Zanariah Abd Rahman.

Program latihan ini dijalankan bagi memberi pendedahan kepada kakitangan dari THBM dalam pengendalian alat-alat ujikaji yang berkaitan dengan ujian kualiti ke atas agregat. Seperti yang diketahui, kandungan agregat di dalam bancuhan turapan berbitumen melebihi 90% daripada keseluruhan ataupun 80% daripada keseluruhan isipadunya. Fungsi utama agregat ialah menanggung beban yang dikenakan kepada turapan. Oleh itu, prestasi sesuatu turapan sangat bergantung kepada kualiti agregat yang digunakan. Terdapat dua sesi yang terlibat sepanjang program ini, di mana peserta didedahkan dengan sesi ceramah secara teori terlebih dahulu dan kemudian sesi praktikal secara “hands on”. **Gambar 1** dan **Gambar 2** menunjukkan dua sesi yang berbeza iaitu sesi ceramah dan sesi praktikal.

Antara ujikaji yang terlibat semasa sesi latihan adalah Aggregate Abrasion Test, Aggregate Impact Test, Flakiness and Elongation Test, Skid Resistance Test dan Polish Stone Value.

Program Latihan ini dilihat sebagai satu aktiviti yang sangat bermanfaat dalam membantu meningkatkan kefahaman kakitangan THBM apabila terutamanya semasa berdepan dengan situasi sebenar di tapak. Latihan ini dapat memberi gambaran kepada kakitangan THBM tentang kepentingan ujikaji kualiti agregat di makmal sebelum ianya dapat diaplikasi di lapangan. Oleh kerana penglibatan staf menyeluruh THBM dengan kerja-kerja penurapan dan membaikpulih jalan raya, maka latihan ini dilihat sangat signifikan untuk dijalankan bagi meningkatkan kemahiran dan kefahaman kakitangan THBM dalam pengendalian alat ujian berkaitan kualiti ke atas agregat.

Program ini juga menggalakkan komunikasi dua hala antara kakitangan THBM dan PPKA dalam bertukar-tukar pendapat dan pandangan berkenaan kerja di lapangan dan perkaitan dengan praktikal di makmal sendiri. **Gambar 3** menunjukkan gambar berkumpulan antara staf THBM dan PPKA. Program ini berakhir dengan jayanya apabila kesemua objektif telah tercapai. Dengan kerjasama ini, adalah diharapkan aktiviti penyelidikan dan konsultasi di antara kedua-dua pihak dapat diteruskan di masa akan datang.



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3